



TEKS UCAPAN

YB LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

SEMPENA

MAJLIS PENYERAHAN PENARAFAN TERMINAL GRED A
KEPADA TERMINAL 1 SEREMBAN

23 JULAI 2026 (KHAMIS)

10.00 PAGI

TERMINAL 1 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

Terima kasih saudara/saudari Pengerusi Majlis,

SALUTASI

- **Yang Berbahagia Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan**
Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia,
- **Yang Berbahagia Dato' Normah binti Osman**
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar),
- **Yang Berbahagia Dato' Aedy Fadly bin Ramli**
Ketua Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia,
- **Yang Berbahagia Tuan Ahmad Radhi bin Maarof**
Ketua Pengarah, Agensi Pengangkutan Awam Darat,
- **Yang Berbahagia Dato' Ir. Ts. Haji Masri bin Baharuddin**
Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Seremban,

Dif-dif kehormat, Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri,wakil-wakil agensi kerajaan, rakan strategik industri, pihak pengurusan Terminal 1 Seremban, rakan-rakan media, seterusnya para pengguna pengangkutan awam yang saya hormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pegawai-Pegawai **Kementerian Pengangkutan, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Kerajaan Negeri Sembilan, Majlis Bandaraya Seremban (MBS)**, pihak pengurusan **Terminal 1 Seremban**, serta semua pihak yang telah memberikan komitmen, kerjasama dan dedikasi sehingga terminal ini berjaya menerima pengiktirafan sebagai **Terminal Gred A**.
2. Apabila kita berbicara mengenai pengangkutan awam darat, ramai yang membayangkan bas, rel atau tren sebagai elemen utama. Namun, terdapat satu komponen yang sering tidak diberikan perhatian sewajarnya, iaitu **terminal pengangkutan awam**.
3. Sebuah terminal yang diurus dengan baik bukan sahaja memberi keselesaan kepada pengguna, malah turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat.
4. Dalam konteks Negeri Sembilan, **Terminal 1 Seremban** memainkan peranan yang amat signifikan. Terminal ini

bukan sahaja menjadi pintu masuk utama kepada bandar Seremban, malah merupakan hab pengangkutan awam yang menghubungkan negeri ini dengan hampir seluruh destinasi utama di Semenanjung Malaysia.

5. Terminal ini menghimpunkan perkhidmatan **bas ekspres, bas henti-henti, BAS.MY, teksi** serta mempunyai hubungan terus dengan **Stesen KTM Seremban**, sekali gus membolehkan pengguna meneruskan perjalanan dengan lebih mudah, pantas dan lancar tanpa perlu berpindah ke lokasi lain.
6. Lebih membanggakan, Terminal 1 Seremban telah dilesenkan oleh APAD sejak **1 Ogos 2023**, sekali gus membuktikan komitmen pihak Majlis Bandaraya Seremban dan pengendali terminal dalam memastikan operasi terminal sentiasa mematuhi standard yang ditetapkan oleh kerajaan.
7. Hari ini, terminal ini mengendalikan antara **150 hingga 180 perjalanan bas setiap hari**, melibatkan **84 operator bas** yang menyediakan perkhidmatan ke pelbagai destinasi di seluruh Semenanjung Malaysia.

8. Bagi memastikan operasi berjalan dengan lancar, Terminal 1 Seremban menyediakan **46 platform**, terdiri daripada **20 platform pelepasan**, **6 platform ketibaan** dan **20 platform khusus bagi perkhidmatan BAS.MY dan bas henti-henti**.
9. Saya juga dimaklumkan bahawa terminal ini menerima **lebih kurang satu juta penumpang setiap tahun**, sekaligus membuktikan bahawa Terminal 1 Seremban terus menjadi nadi utama mobiliti rakyat di Negeri Sembilan. **Inilah nilai sebenar sebuah terminal pengangkutan awam.**

Hadirin yang saya hormati,

10. Sesebuah terminal yang moden tidak akan mampu memberikan perkhidmatan yang berkualiti sekiranya tidak mempunyai sistem tadbir urus yang baik serta standard operasi yang jelas.
11. Atas sebab itu, Kementerian Pengangkutan melalui **Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)** diberikan tanggungjawab untuk mengawal selia pengoperasian terminal pengangkutan awam di Semenanjung Malaysia di bawah **Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715]**.

12. Peranan APAD bukan sekadar mengeluarkan lesen untuk membolehkan sesebuah terminal beroperasi. Lebih penting daripada itu, APAD memastikan setiap terminal sentiasa mematuhi piawaian yang ditetapkan daripada aspek keselamatan, pengurusan operasi, penyelenggaraan fasiliti, kebersihan, kebolehcapaian, pengurusan trafik, penyampaian maklumat perjalanan serta pengalaman keseluruhan pengguna.
13. Pendekatan ini penting kerana rakyat berhak menikmati kemudahan pengangkutan awam yang selamat, selesa dan berkualiti, tidak kira sama ada mereka berada di bandar besar mahupun di bandar-bandar lain di seluruh negara.

Hadirin sekalian,

14. Selaras dengan usaha meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan, APAD turut melaksanakan **Sistem Penggredan Terminal**, yang mengklasifikasikan terminal kepada **Gred A, Gred B dan Gred C** berdasarkan tahap pematuhan terhadap piawaian yang ditetapkan.
15. Sistem ini merupakan satu mekanisme yang

mendorong semua pemilik dan pengendali terminal supaya sentiasa meningkatkan standard pengurusan, penyelenggaraan dan kualiti perkhidmatan.

16. Melalui sistem ini, setiap terminal dinilai secara menyeluruh berdasarkan pelbagai kriteria penting, termasuk aspek keselamatan, kecekapan operasi, kebersihan, penyelenggaraan fasiliti, kemudahan kepada pengguna, akses kepada Orang Kurang Upaya (OKU), penyediaan maklumat perjalanan, integrasi dengan mod pengangkutan lain serta tahap keselesaan keseluruhan.
17. Terminal yang berjaya memperoleh **Gred A** ialah terminal yang memenuhi standard tertinggi dan mampu memberikan pengalaman perjalanan yang berkualiti kepada pengguna.
18. Oleh sebab itu, pengiktirafan yang diterima oleh Terminal 1 Seremban pada hari ini menjadi bukti bahawa terminal ini telah mencapai tahap pengurusan dan operasi yang membanggakan serta memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh kerajaan.

19. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada **Majlis Bandaraya Seremban** selaku pemilik terminal dan **Energetic Point Sdn. Bhd.** selaku pengendali atas komitmen yang ditunjukkan dalam memastikan Terminal 1 Seremban sentiasa berada pada tahap terbaik.

20. Saya difahamkan pelbagai usaha **penambahbaikan** telah dilaksanakan, termasuk **penyediaan** ruang menunggu yang lebih selesa, sistem pembelian tiket tanpa tunai, **penambahbaikan** kawasan menaik dan menurunkan penumpang, peningkatan aspek kebersihan, **penyelenggaraan** fasiliti serta tindakan berterusan **membanteras** kegiatan *ulat tiket* demi menjamin keselamatan dan **keselesaan** pengguna. Usaha-usaha inilah yang akhirnya diterjemahkan kepada satu pengiktirafan yang amat bermakna pada hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

21. Bagi memperkasakan lagi Terminal 1 Seremban, Kerajaan terus memberikan penekanan kepada pembangunan perkhidmatan bas henti-henti melalui **Program Transformasi Bas Berhenti-Henti (SBST)** yang kini beroperasi di bawah jenama **BAS.MY**.

22. Di samping itu, Kerajaan turut menyediakan **Dana Bantuan Sementara Bas Henti-Henti (Interim Stage Bus Support Fund – ISBSF)** dengan peruntukan berjumlah **RM63.175 juta setahun** bagi memastikan perkhidmatan bas di kawasan luar bandar dan kurang menguntungkan dapat diteruskan demi kepentingan rakyat.
23. Inilah konsep mobiliti yang ingin kita bangunkan – **satu perjalanan yang lancar dari destinasi asal hingga ke destinasi akhir**, dengan setiap mod pengangkutan saling melengkapi antara satu sama lain.
24. Melalui program ini, rakyat bukan sahaja menikmati perkhidmatan bas yang lebih teratur dan boleh diharap, malah turut memperoleh manfaat daripada pelbagai inisiatif yang meringankan kos sara hidup. Antaranya ialah **Pas Perjalanan Tanpa Had BAS.MY** pada kadar **RM30 bagi tempoh 30 hari**, yang membolehkan pengguna menikmati perjalanan tanpa had pada kadar sekitar **RM1 sehari**.

25. Kerajaan juga menyediakan **kemudahan tambang percuma** kepada murid sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi awam, warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) yang layak melalui kemudahan kad konsesi BAS.MY.

Hadirin yang saya hormati,

26. Saya percaya, dengan komitmen berterusan daripada Kementerian Pengangkutan, APAD, Majlis Bandaraya Seremban, pihak pengurusan Terminal 1 Seremban serta semua pemain industri, kita mampu membina sebuah sistem pengangkutan awam yang bukan sahaja moden dan cekap, malah menjadi kebanggaan negara serta pilihan utama rakyat.
27. Semoga pengiktirafan **Terminal Gred A** kepada Terminal 1 Seremban pada hari ini menjadi pemangkin kepada lebih banyak kejayaan pada masa hadapan, sekali gus memperkukuh agenda Kerajaan untuk membina sistem pengangkutan awam yang lebih berdaya saing, mampan dan inklusif demi kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.
28. Akhir sekali, saya dengan sukacitanya menyempurnakan **Majlis Penyerahan Penarafan Terminal**

Gred A kepada Terminal 1 Seremban.

Sekian, terima kasih.

TAMAT